

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil LadyCare Rider With Maternity. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.	LadyCare Rider With Maternity
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

LadyCare Rider With Maternity adalah rider pembayaran premium tanpa penyertaan yang direka untuk wanita yang melindungi penyakit wanita. Ia adalah pelan perlindungan dan perlu dilampirkan kepada polisi asas yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad. Manfaat adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Rider Diinsuranskan = RM500,000
Rider ini melindungi yang berikut:

Tempoh Rider = 40 tahun

Huraian Manfaat		Ringgit Malaysia (RM)
		Dengan Manfaat Materniti
I) MANFAAT WAJIB		
A. Manfaat Penyakit Wanita		
1	Kanser Wanita	100% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM500,000) ditolak sebarang bayaran di bawah manfaat I(A)(2)
2	Karsinoma In-Situ (Payudara atau Serviks Uteri)	20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
3	Sistemik Lupus Eritematosus (SLE) dengan Lupus Nefritis	100% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM500,000) ditolak sebarang bayaran di bawah manfaat I(A)(2)
4	Pembedahan Pembetulan Muka akibat Kemalangan	Bayaran balik sehingga 20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
5	Pemindahan Kulit akibat Kanser Kulit atau Melecur akibat Kemalangan	Bayaran balik sehingga 30% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM150,000)
6	Pembedahan Pembetulan bagi Payudara akibat Kemalangan atau Kanser Payudara: - 1 Payudara - 2 Payudara	Bayaran balik sehingga 30% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM150,000) Bayaran balik sehingga 40% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM200,000)
B. Manfaat Warga Emas (Manfaat akan bermula selepas mencapai usia 50 tahun)		
1	Retak Tulang Pinggang atau Paha akibat Osteoporosis	Bayaran balik sehingga 20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
2	Pembedahan Penggantian Sendi bagi Arthritis	Bayaran balik sehingga 20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
C. Manfaat Pemeriksaan Kesihatan Berkala		0.5% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM2,500) (setiap 3 tahun)
II) MANFAAT PILIHAN		
A. Manfaat Materniti (Manfaat akan terhenti apabila mencapai usia 45 tahun)		
1	Perlindungan bagi Komplikasi Kehamilan (DIC, Kehamilan Ekropia, Kematian Sewaktu Lahir, Hidatidiform Mole (Kehamilan Molar), Eklampsia (Darah Tinggi Teruk semasa Kehamilan))	20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
2	Anomali Kongenital (Sindrom Down, Spina Bifida, Tetralogi Fallot, Transposisi Pembuluh Besar)	30% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM150,000)
3	Kematian Neonatal	20% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000)
4	Kematian akibat Melahirkan Anak	100% Jumlah Rider Diinsuranskan (RM500,000)

Nota:

- Atas tuntutan manfaat di bawah perkara I(A)(1), I(A)(3) dan II(A)(4), rider akan ditamatkan.
- Atas tuntutan kanser Payudara, Hayat yang Diinsuranskan masih lagi berhak kepada Pembedahan Pembetulan Payudara disebabkan Kemalangan atau Kanser Payudara dalam tempoh 3 tahun daripada mastektomi sahaja.
- Bayaran di bawah Karsinoma In-Situ Payudara atau Serviks Uteri (perkara I(A)(2)) akan mengurangkan manfaat yang akan dibayar di bawah Kanser Wanita (Perkara I(A)(1)) & Eritematosus Lupus Sistemik (SLE) dengan Lupus Nephritis (Perkara I(A)(3)).

- Jumlah agregat manfaat yang akan dibayar di bawah kedua-dua Perkara (I)(A)(4) dan Perkara (I)(A)(5) tidak boleh melebihi 30% Jumlah Diinsuranskan berhubung dengan Kemalangan yang sama.
- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat tepat manfaat tersebut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapa banyakkah premium yang perlu saya bayar?

- Premium rider yang anda perlu bayar berbeza bergantung kepada perlindungan yang dipilih, umur ketika penyertaan, tempoh rider dan lain-lain. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan bagi butiran yang tepat.
 - Anggaran premium rider yang anda perlu bayar (termasuk 0% GST): RM5,140.00 setahun
 - Tempoh Premium: 40 tahun
- Kadar premium digunakan bagi risiko yang standard. Terma dan kadar rider adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.
- Kadar premium adalah dijamin.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jumlah komisen yang perlu dibayar ialah 171.00% daripada satu tahun premium.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider anda dengan memulangkan lampiran tersebut dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima lampiran tersebut. Premium yang telah anda bayar (ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- Tempoh tangguh adalah 30 hari bagi kekerapan bayaran secara bulan dan 45 hari bagi kekerapan bayaran secara tahunan, setengah tahunan, dan suku tahunan.
- Caj serahan akan dikenakan ke atas nilai serahan tunai yang dijamin sepanjang tempoh hayat polisi. Nilai caj serahan diadualkan seperti di bawah:

Bilangan Tahun Rider Premium Dibayar	Caj Serahan (% daripada Nilai Serahan Tunai Dijamin)
Kurang daripada 3	100%
3 hingga 5	20%
6 dan ke atas	10%

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi term dan syarat di bawah rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Manfaat rider ini tidak akan dibayar jika berlaku mana-mana yang berikut:

- Sekiranya Penyakit Wanita / Pembedahan/ Materniti wujud sebelum tarikh permulaan rider atau mana-mana tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana terkemudian; atau
- Bagi apa-apa manfaat yang dilindungi yang mana anda tahu atau yang simptomnya adalah jelas atau untuk yang mana anda telah menerima nasihat atau rawatan perubatan sebelum tarikh permulaan rider atau mana-mana tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana terkemudian; atau
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), kompleks berkaitan AIDS, jangkitan melalui Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Komplikasi kehamilan yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan rider ini atau mana-mana tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah rider ini.

7. Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk penama dan pemegang amanah) bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* berkaitan 'Insurans Perubatan & Kesihatan'. Anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau lawat: www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10 Apakah lagi jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang disediakan?

Sila rujuk kepada ejen kami untuk perlindungan serupa yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada XXXX.

SAMPLE